


Suara

MITASA



PEMANGKIN KEJAYAAN BERSAMA



OMBUDSMAN
DAN UNIVERSITI

MESYUARAT AGUNG
TRI TAHUNAN MITASA
2025-2028

MAJLIS SAMBUTAN HARI
DAN BULAN AKADEMIKA
UITM 2025

PEMBENTANGAN LIMA KERTAS KERJA
KESETERAAN PENYELIAAN MELIBATKAN
KENAIKAN PANGKAT

WACANA TOKOH: BAHASA DAN JATI DIRI
BANGSA DI KONVENSYEN 152 PERINGKAT
KEBANGSAAN 2025

Risiko Perundangan: Ancaman Terhadap Kedaulatan Undang-Undang Dan Perlembagaan

Akbar Kamarudin @ Abdul Shukor
Pensyarah Fakulti Undang-Undang UiTM

Perlembagaan Persekutuan ialah undang-undang paling tinggi di Malaysia.

Setiap rakyat Malaysia dan warga asing terikat dengan Perlembagaan. Kewujudan Perlembagaan menunjukkan kedaulatan Malaysia. Namun, zaman moden sekarang telah melahirkan suatu cabaran besar yang boleh menggugat Perlembagaan sebagai undang-undang paling tinggi di Malaysia. Cabaran besar tersebut ialah suatu risiko perundangan. Risiko perundangan seperti penyalahgunaan kuasa, pindaan undang-undang yang tidak cermat atau kelemahan dalam penguatkuasaan menjejaskan demokrasi berparlimen. Perkara ini menyebabkan ketidakpercayaan rakyat terhadap institusi-institusi negara. Seterusnya, perkara ini menjejaskan pelbagai usaha Kerajaan Malaysia yang dipimpin oleh Perdana Menteri sekarang, Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam memperkasakan Perlembagaan.

Secara umum, Malaysia mempunyai Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang mempunyai bidang kuasa masing-masing. Perlembagaan membenarkan Parlimen dan Dewan-Dewan Undangan Negeri

untuk meluluskan undang-undang. Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama adalah panduan untuk Parlimen dan Dewan-Dewan Undangan Negeri untuk meluluskan undang-undang. Senarai Persekutuan membenarkan Parlimen sahaja untuk meluluskan undang-undang seperti keselamatan, percukaian dan hal ehwal

luar negara. Senarai Negeri membenarkan Dewan Undangan Negeri sahaja untuk meluluskan undang-undang seperti Islam. Senarai bersama membenarkan kedua-dua Parlimen dan Dewan Undangan Negeri untuk meluluskan undang-undang seperti perancangan bandar.

Dalam risiko perundangan, ia melibatkan penyalahgunaan kuasa, kelemahan penguatkuasaan dan konflik bidang kuasa. Kuasa perundangan yang digunakan tanpa semak dan imbang oleh pihak eksekutif menjejaskan ketidakstabilan undang-undang. Ini mewujudkan sangkaan penyalahgunaan kuasa. Sebagai contoh, undang-undang yang diluluskan Parlimen tanpa melalui perbahasan dan perbincangan mendalam oleh ahli-ahli Parlimen menjejaskan kualiti dan ketelusan undang-undang tersebut. Oleh sebab itu, pihak eksekutif mesti membentangkan undang-undang yang berkualiti dan adil kepada rakyat. Paling baik sekiranya ada rundingan awam yang dibuat sebelum pembentangan undang-undang tersebut. Para ahli Parlimen juga wajib untuk membahaskan tentang undang-undang tersebut secara matang demi kepentingan negara.

Dalam risiko perundangan, ia melibatkan penyalahgunaan kuasa, kelemahan penguatkuasaan dan konflik bidang kuasa. Kuasa perundangan yang digunakan tanpa semak dan imbang oleh pihak eksekutif menjejaskan ketidakstabilan undang-undang. Ini mewujudkan sangkaan

penyalahgunaan kuasa. Sebagai contoh, undang-undang yang diluluskan Parlimen tanpa melalui perbahasan dan perbincangan mendalam oleh ahli-ahli Parlimen menjejaskan kualiti dan ketelusan undang-undang tersebut. Oleh sebab itu, pihak eksekutif mesti membentangkan undang-undang yang berkualiti dan adil kepada rakyat. Paling baik sekiranya ada rundingan awam yang dibuat sebelum pembentangan undang-undang tersebut. Para ahli Parlimen juga wajib untuk membahaskan tentang undang-undang tersebut secara matang demi kepentingan negara.

Kelemahan penguatkuasaan undang-undang merencatkan undang-undang yang berkualiti dan telah diluluskan di Parlimen ataupun Dewan-Dewan Undangan Negeri. Kelemahan tersebut terjadi disebabkan kekurangan sumber, campur tangan politik dan ketelusan. Kekurangan sumber melibatkan kekurangan kakitangan dan kewangan yang tidak mampan. Campur tangan politik boleh berlaku kerana sistem pentadbiran Malaysia membenarkan ahli politik untuk memegang jawatan-jawatan pentadbiran. Di sini pentingnya peranan agensi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk memantau tingkah laku ahli politik yang memegang jawatan pentadbiran tersebut. Dengan dasar kerajaan sekarang untuk memerangi rasuah seharusnya menaikkan semangat SPRM untuk melaksanakan tugas dengan dedikasi dan cekap.




Konflik bidang kuasa melibatkan kuasa perundangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri. Walaupun Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama dalam Perlembagaan amat jelas, namun boleh juga terjadi di mana undang-undang yang diluluskan di peringkat Dewan-Dewan Undangan Negeri berlawanan dengan Perlembagaan. Perkara ini boleh menimbulkan kekeliruan dalam pelaksanaan undang-undang. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri mesti memastikan undang-undang yang hendak diluluskan tidak bercanggah dengan Perlembagaan. Namun begitu, masih lagi tugas mahkamah untuk memastikan bahawa undang-undang tersebut selari dengan Perlembagaan. Oleh itu, para hakim mesti berani menggunakan ilmu mereka untuk mentafsir undang-undang tersebut supaya selari dengan Perlembagaan.

Risiko perundangan juga merupakan ancaman terhadap Perlembagaan. Walaupun Perlembagaan boleh dipinda di Parlimen, namun pindaan tersebut mesti dilakukan dengan cermat dan teliti. Kesan pindaan mestilah tidak melanggar prinsip-prinsip negara seperti Raja Berperlembagaan, Islam sebagai agama rasmi, kebebasan kehakiman dan hak asasi rakyat. Sebagai contoh, kebebasan kehakiman ialah tunjang kepada keadilan. Hakim mesti dibenarkan untuk membuat keputusan berdasarkan undang-undang. Kesemua kita sama ada pihak eksekutif, ahli-ahli

Parlimen dan rakyat biasa mesti tidak mempengaruhi hakim untuk membuat suatu keputusan undang-undang.

Secara umum, Perlembagaan menjamin hak-hak mereka yang menetap di Malaysia. Antara contoh-contoh hak ini ialah kebebasan bersuara, hak untuk mendapat perbicaraan yang adil, dan kebebasan beragama. Dalam konteks Malaysia, perlindungan hak-hak ini adalah berdasarkan undang-undang yang diluluskan Parlimen. Ini bermakna semua hak ini bukan mutlak tapi tertakluk kepada undang-undang. Sebagai contoh, walaupun Malaysia membenarkan kebebasan beragama tapi undang-undang di Malaysia dibenarkan untuk memberikan kelebihan kepada agama Islam berbanding dengan kepercayaan dan agama lain. Oleh itu, segala undang-undang mestilah digubal bersesuaian dengan segala hak tersebut. Kegagalan untuk memahami perkara ini ialah suatu risiko yang menjejaskan keharmonian masyarakat di Malaysia.

Risiko perundangan juga mempunyai implikasi terhadap rakyat dan negara. Antara implikasi-implikasi tersebut ialah hak asasi terancam, ketidakpercayaan terhadap institusi, ketidakstabilan politik dan sosial dan kemunduran demokrasi. Apabila undang-undang digubal tanpa mengambil kira prinsip perlembagaan, ada kemungkinan yang segala hak asasi akan terancam. Sebagai contoh, undang-undang yang digubal untuk menghalang



kebebasan untuk bersuara secara mutlak adalah tidak demokratik. Apabila terdapat keraguan terhadap sistem perundangan, maka akan hilang semangat patriotik di kalangan masyarakat. Ketidakstabilan politik dan sosial juga berlaku apabila risiko perundangan tidak diuruskan dengan baik. Malaysia amat memerlukan kestabilan tersebut. Bahkan, demokrasi juga akan mengalami kemunduran kerana keutuhan undang-undang amat penting untuk Malaysia.

Secara konklusinya, risiko perundangan amat penting untuk dikawal dan diuruskan di

Malaysia. Risiko perundangan yang tidak dikawal akan membawa kesan-kesan yang negatif kepada rakyat dan negara. Oleh itu, semua pihak mempunyai peranan untuk memastikan undang-undang terus dipelihara. Antara cadangan-cadangan untuk mengukuhkan pengurusan risiko perundangan ialah memperkukuhkan pendidikan perlembagaan di pendidikan rendah, menengah dan pengajian tinggi, meningkatkan ketelusan dan proses penggubalan undang-undang, memperkukuh sistem kehakiman dan menggalakkan penglibatan masyarakat sivil dan kebebasan media.

PERFECTION IS NOT ATTAINABLE.

**BUT IF WE CHASE PERFECTION,
WE CAN CHASE**

EXCELLENCE.